



INTERNATIONAL RESEARCH JOURNAL OF SHARIAH, MUAMALAT AND ISLAM (IRJSMI)

www.irjsmi.com



FALSAFAH DAN KONSEP SASTERA ISLAM MENGIKUT SIDEK BABA

THE PHILOSOPHY AND THE CONCEPT OF ISLAMIC LITERATURE ACCORDING TO SIDEK BABA

Adli Yaacob¹, Farah Syafiqah Mohd Fadzil²

- ¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
Email: adlihy@iium.edu.my
- ² Pelajar MA Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia

Article Info:

Article history:

Received date: 15.01.2022

Revised date: 20.02.2022

Accepted date: 15.03.2022

Published date: 31.03.2022

To cite this document:

Yaacob, A., & Fadzil, F. S. M. (2022) Falsafah Dan Konsep Sastera Islam Mengikut Sidek Baba. *International Research of Shariah, Muamalat and Islam*, 4 (10), 46-54.

DOI: 10.35631/IRJSMI.410004.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Profesor Datuk Dr. Sidek Baba merupakan seorang ilmuwan yang intelektual dan berwibawa. Beliau pernah menghasilkan kertas kerja mengenai kesusasteraan dan persuratan Islam semasa menuntut pengajian di peringkat Diploma Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1985. Di dalam kajiannya, beliau menekankan konsep kesusasteraan dan persuratan Islam dengan mendatangkan perbincangan perbezaan penggunaan keduanya. Kajian yang telah dilakukan Sidek Baba sangat berkait rapat dengan mauduk kajian ini, iaitu tentang perbincangan konsep sastera Islam menurut pandangan dan komentar Sidek Baba. Kajian ini menjelaskan tentang asal-usul adab dan persuratan Islam serta bagaimana sejarah tercetusnya idea kesusasteraan Islam di dunia Arab dan tanah Melayu. Seterusnya kajian ini dikukuhkan lagi dengan bagaimana penerimaan Sidek Baba terhadap karya dan seni daripada Muslim dan bukan Muslim dengan mendatangkan hujah dan pendapat konkrit beliau tentang syarat-syarat menerima dan mengamalkan kandungan sesuatu karya kerana baginya dunia penulisan karya adalah medan dakwah secara tidak sedar bagi seseorang penulis, untuk itu penulis yang sentiasa bermal dengan ajaran Islam yang syumul akan menghasilkan karya Islam yang bermoral sekali gus mengangkat darjat dan nilai Islam ke seluruh pelosok dunia.

¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. E-Mel: adlihy@iium.edu.my.

² Pelajar MA Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

Kata Kunci:

Konsep Sastera Islam, Sejarah Kemunculan Sastera, Sastera, Persuratan Islam, Karya, Pemikiran

Abstract:

Professor Datuk Dr. Sidek Baba is an intellectual and authoritative scientist. He has produced papers on Islamic literature and Islamic writings while pursuing studies at the Diploma in Islamic Studies at Universiti Kebangsaan Malaysia in 1985. In his study, he emphasized the concept of Islamic literature and Islamic writing by bringing the differences in the use of both. The study that Sidek Baba has done is very closely related to the title of this study, which is about debating the concept of Islamic literature in Sidek Baba's views and comments. This study explains the origins of manners and Islamic writings and how the history of Islamic literary ideas in the Arab world and Malay land has emerged. Furthermore, this study is further reinforced by how Sidek Baba accepts the work and art of Muslims and non-Muslims by submitting their concrete arguments and opinions about the conditions of accepting and practicing the content of a work because for him the world of writing works is a daunting field unintelligible for a writer, for the writer who is always practicing with the Islamic teaching to produce a moral Islam that thereby elevates the rank and value of Islam to all over the world.

Keywords:

The Concept Of Islamic Literature, The History Of Literary Appearances, Islamic Writing, Works, Thoughts

Pendahuluan

Profesor Datuk Dr. Sidek Baba³ merupakan seorang pendidik, pemikir dan cendekiawan profesional yang mampu melontarkan idea dan komentar dalam pelbagai bentuk bidang sama ada bidang pendidikan, politik, ekonomi, dakwah, tamadun, sejarah dan sebagainya. Di sebabkan itu, tidak hairanlah beliau banyak menghasilkan warkah penulisan, artikel, dan buku yang boleh memberi manfaat dan menambahkan mutiara ilmu pengetahuan kepada pembaca. Beliau juga sangat aktif dalam menghadiri wawancara dan menjadi rujukan ramai dalam merungkai isu dan permasalahan semasa yang membelenggu minda remaja dan masyarakat Malaysia ini. Disebabkan itulah satu kerugian yang besar kepada dunia sastera Islam apabila mensia-siakan pandangan berharga beliau tentang mafhum sastera Islam ini. Peranan kesusasteraan yang mencorak kehidupan dan peradaban manusia khususnya dalam dunia keilmuan merupakan satu topik yang menarik untuk diperdebat dan dibahaskan dengan kreatif dan kritis sebagai garis panduan kepada individu sastera yang sentiasa berkarya di landasan yang benar.

³ Profesor Dr. Sidek Baba merupakan seorang tokoh Melayu yang memberi sumbangan besar dalam bidang Pendidikan khususnya dengan membentangkan idea penting mengenai kesusasteraan Islam. Beliau mendapat Pendidikan awal dan menengah di Melaka sebelum ke Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) Tanjong Malim, Perak. Beliau memiliki Ijazah Pertama Pengajian Melayu (Kepujian) dari Universiti Malaya. Seterusnya mengambil Diploma Pendidikan Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kemudian meneruskan pengajian ke Peringkat Sarjana Sains Pendidikan di Universiti Indiana, Bloomington, Amerika Syarikat dan Doktor Pendidikan di Universiti Northern Illinois, Amerika Syarikat. Beliau banyak melibatkan diri dan aktif dalam institusi Islam di Malaysia seperti Ahli Majlis Perundangan Islam Malaysia, Lembaga Pengarah Darul Quran Malaysia, Lembaga Pemegang Amanah YADIM, Lembaga Pengarah IKIM, Lembaga Pengarah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dan Lembaga Pengarah Yayasan Murni Aqidah.

Apabila mengkaji tentang konsep sastra Islam mengikut pandangan Sidek Baba, beliau mendatangkan konsep sastra Islam dan konsep persuratan Islam. Baginya, apabila menyentuh tentang sastra Islam, mestilah dituruti dengan persuratan Islam yang seolah-olah mengkhabarkan kepada kita bahawa sastra Islam adalah suatu konsep yang berlawanan dan berbeza dengan konsep persuratan Islam baik dari sudut sejarah kemunculannya dalam pemahaman mahupun dari sudut mesej yang dibawa oleh kedua-duanya. Perbezaan ini berdasarkan kepentingan dan pembawaan makna yang berasaskan pentafsiran para sarjana, ahli akademik dan ahli kegiatan penulisan yang mengkaji kesusasteraan dan persuratan Islam untuk menilai penggunaan kedua-dua istilah ini dalam konteks penghasilan karya-karya yang terdahulu, sekarang dan akan datang.

Sejarah Kemunculan Sastra Islam

Menurut Rosni Samah (2015), idea kesusasteraan Islam di era moden khususnya di dunia Arab telah dicetuskan oleh Abu Hasan Ali al Nadwi yang lebih awal mencetuskan gagasan sastra Islam menerusi satu esei yang ditulis beliau berkenaan sastra Islam semasa dipilih sebagai satu ahli anggota Majma' al-Lughat al-Arabiyyah di Damascus, Syria pada tahun 1956. Rentetan dengan itu, idea sastra Islam telah diteruskan oleh Sayyid Qutb melalui penulisan bukunya *Fi Tarikh Fikrah wa al Manhaj* seterusnya legasi tersebut telah disambung oleh adik beliau iaitu Muhammad Qutb dalam karangan buku beliau *Manhaj al Fan al Islamiy*⁴.

Beralih pula ke Alam Melayu, kemunculan sastra Islam mula dikesan seiring dengan penyebaran Islam ke alam ini sekitar abad ke-13 Masihi. Fakta ini diperkukuhkan dengan kenyataan Ismail Hamid dalam bukunya yang bertajuk "Arabic and Islamic Literary Tradition" yang menyatakan bahawa:

"The advent of Islam to the Malay world in the thirteenth century may have accompanied by this tradition led the creation of the Malay Islamic hikayat about the Prophet Muhammad. Like the tradition of reading the stories about the Prophet Muhammad during his birthday as practised in the Near East, the same practise was also adopted in many parts of the Malay Archipelago. Indeed, this customary practice lasted until quite recently and now it is neglected after the introduction of our modern mass media".

Berdasarkan petikan di atas, Ismail Hamid menjelaskan bahawa kemunculan genre sastra Islami yang terawal di alam melayu adalah mengenai hikayat Nabi Muhammad. Hikayat ini bukan sekadar semata-mata sebagai cerita biasa ataupun dongengan namun ia sebenarnya merupakan langkah pendakwah ketika itu untuk menyebarkan Islam yang masih baru bertapak di alam Melayu dan menerangkan kepada golongan yang baru memeluk Islam tentang ajaran Islam dan ketokohan Nabi Muhammad. Antara cerita hikayat yang terawal membicarakan mengenai baginda Nabi adalah Hikayat Nur Muhammad, Hikayat Khatim al-Nabi, Hikayat Tatkala Bulan Belah Dua, Hikayat Mukjizat Rasulullah Memanggil Bulan, Hikayat Nabi Bercukur dan lain-lain lagi.

Kesemua hikayat yang diceritakan adalah bercirikan Islam kerana memerihalkan Nabi sebagai subjek dalam hikayat yang dikarang sekaligus menggambarkan kesusasteraan Islam sudah mula bertapak secara tidak langsung seiring dengan penyebaran Islam di alam melayu. Keadaan ini juga hampir menyerupai tema yang diguna pakai oleh para penyair Arab pada

⁴ Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi, 2016, *Perbandingan Definisi Sastra Islami Mengikut Pandangan Sarjana Dunia Arab dan Alam Melayu*, pp2-3.

zaman permulaan Islam yang banyak memuji Nabi dan merintih atas kewafatan baginda dalam kebanyakan syair karangan mereka.

Definisi Kesusasteraan Dan Persuratan Islam

Sastera adalah berasal daripada Bahasa Sanskrit “Castra” (dibaca: Syastra) yang membawa erti: Kitab Suci Hindu. Susastera bererti: Seni Sastera. Tambahan “su” dalam Bahasa Sanskrit bererti “baik” atau “indah”. Jadi, kesusasteraan adalah kata terbitan daripada Susastera yang membawa erti: Kesenian yang indah.

Manakala kata persuratan pula merujuk kepada kata “surat” atau “surah”. Tradisi surah ini bermula daripada al Quran. Ringkasnya seluruh persuratan semestinya merujuk kepada al Quran sebagai pancaran tradisinya. Daripadanyalah terpancar cahaya kitab dan hikayat, puisi, dan prosa. Jadi persuratan itu suatu kata umum yang merangkumi bentuk-bentuk prosa dan puisi, jenis-jenis bukan kreatif, dan kreatif yang mengandungi nilai etika dan estetika, baik dan buruk, indah dan jelik, adil dan zalim, Muslim mukmin, kafir dan munafik, dunia dan akhirat⁵.

Dr. Ali Haji Ahmad pula mentakrifkan persuratan sebagai rangkuman bahan-bahan yang tertulis, yang memberi huraian mengenai satu-satu ilmu atau perkara-perkara yang umum yang menjadi tatapan masyarakat pembaca. Bahan-bahan yang berkaitan dengan sains, matematik dan undang-undang boleh dimasukkan ke dalam takrif persuratan⁶.

Rene Wellek dan Austin Warren pula menyebutkan kesusasteraan atau “literature” sebagai suatu seni yang bersifat imaginatif⁷. Tegasnya lagi, seni sastera dari genre tradisionalnya seperti lirik, epic, dan drama merujuk dunia khayalan dan fiksyen (a world of fiction, of imagination)⁸.

Manakala makna persuratan Islam pada pandangan Sidek Baba pula ialah sesuatu kandungan penulisan dan karya mestilah mengandungi isi dan plot yang nyata dan jelas kepada pembaca dalam proses memahami input yang dipersembahkan. Kandungan tersebut mestilah bersifat rasional, “factual” (fakta) dan bukan sengaja menokok tambah dalam penceritaan bagi menghasilkan karya yang menarik dengan niat yang tidak benar ingin menjadikan terbitan atau karyanya “best seller” atau “anugerah pilihan pembaca”, kandungan tersebut juga mestilah bukan bersifat tahyul dan imaginasi penulis kerana ia merujuk kepada kandungan al Quran yang menjadi “huda” (petunjuk) kepada manusia⁹ berdasarkan ayat al Quran:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ

Maksudnya: “Sesungguhnya al Quran ini memberikan petunjuk kepada jalan yang lebih lurus.”¹⁰

Seterusnya Sidek Baba melontarkan pandangannya tentang makna bagi kesusasteraan. Menurutnya secara mudahnya apabila kita mengetahui dan memahami konsep persuratan Islam yang sebenarnya kita telah memahami konsep kesusasteraan Islam secara tidak langsung. Ini kerana mafhum kesusasteraan Islam adalah sebaliknya (berlawanan) bagi persuratan Islam.

⁵ Abdul Rahman Rukaini, 1980, *Sekitar Pemikiran Kesusasteraan Islam*, Gapim, p7.

⁶ Dr. Ali Haji Ahmad, 1984, *Arah Persuratan Kini Dalam Pembentukan Budaya Manusia Dan Implikasinya*

⁷ Rene Wellek & Austin Warren, 1976, *Theory of Literature*, p22.

⁸ Ibid, p25.

⁹ Sesi temu bual bersama Sidek Baba pada 9 Mac 2018, pada pukul 11:22 am, bertempat di kediamannya Taman Melewar Gombak.

¹⁰ Surah Al-Isra’: ayat 9.

Ringkasnya, kesusasteraan ialah isi kandungannya yang bersifat rekaan manusia, mengandungi fakta yang tidak benar, kisah-kisah dan karya hasil rekaan manusia, mengandungi tokoh tambah dan bersifat imaginasi dan tahyul seperti cerpen atau puisi yang diolah secara kreatif oleh manusia¹¹.

Untuk memahami dengan lebih jauh makna sastera dan kesusasteraan di dalam penulisan dan penggunaannya, terdapat juga silap pemahaman dan pendapat. Ada yang memaksudkan “kesusasteraan” adalah bentuk-bentuk kritis seperti novel, cerpen dan sajak sedangkan “sastera” adalah membawa makna yang lebih luas daripada itu termasuklah di bawahnya yang bersifat kreatif dan non- kreatif. Ada juga yang tidak membezakan maksud di antara kesusasteraan dan sastera selain perbezaan penambahan atau imbuhan semata-mata¹².

Persuratan pula kalau ditinjau penghasilan karya berbentuk kitab umpamanya, pengarang sering menggunakan kata-kata seperti “hamba menyurat” atau “suratan ini” yang memaksudkan karangan bertulis. Kata surat adalah dari surah (سورة) yang dinisbahkan pada asalnya kepada surah-surah dalam al Quran. Maksudnya bahagian-bahagian dari ayat al Quran yang sedia tertulis atau terakam. Konsep persuratan yang diberikan oleh Islam kepada persuratan Melayu umpamanya mementingkan soal-soal tertulis, autoriti rasional, nyata, bukti dan tetap, tidak menekankan sifat lisan dan menolak khayalan¹³.

Istilah surat (tulis) pula amat rapat dengan gesaan membaca (اقرأ) dari surah al Alaq yang menjadi ayat al Quran yang pertama diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W dan penekanan Allah di dalam permulaan surah al Qalam (القلم) iaitu Nun- Demi al Quran dan apa yang dituliskan mereka.

Malah pada ayat-ayat lain dalam Al Quran terdapat ayat-ayat yang mempunyai kaitannya dengan persuratan seperti yang terakam dalam surah Al-Alaq ayat 4-5 iaitu:

الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ (4) عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ (5)

Yang bermaksud: Allah yang mengajar dengan pena, mengajar insan tentang apa yang tidak diketahuinya.

Oleh itu dapat kita simpulkan bahawa kesusasteraan adalah seni kreatif yang bersifat imaginative, yang lebih banyak bersifat khayalan atau hasil renungan manusia yang digarap menerusi bidang kreativiti masing-masing. Sementara persuratan membawa pengertian yang lebih luas dan khusus iaitu mencukupi seni kreatif dan non-kreatif tetapi pancaran ideanya berdasarkan Al Quran dan AL-hadith bukannya semata-mata bersandarkan khayalan manusia yang nafsu dan kemabukan rasa seperti yang kita sering temui dalam hasil karya yang berbentuk kesusasteraan.¹⁴

¹¹ Sesi temu bual bersama Sidek Baba pada 9 Mac 2018, pada pukul 11:22 am, bertempat di kediamannya Taman Melewar Gombak.

¹² Shafie Abu Bakar, 1979, *Di Antara Sastera Dan Persuratan Islam*, p34.


¹³ Sidek Bin Baba, 1985, *Kesusasteraan Dan Persuratan Islam*, p8.

¹⁴ Sesi temu bual bersama Sidek Baba pada 9 Mac 2018, pada pukul 11:22 am, bertempat di kediamannya Taman Melewar Gombak.

Amat jelas bagi kita bahawa yang membezakan kesusasteraan atau sastera dengan persuratan bukan semata-mata dilihat dari sudut ruang likup yang dicakupnya, tetapi yang lebih penting adalah sandaran atau sumber yang menjadi rujukan bagi penulis atau pengarang. Bagi Islam, yang dipentingkan bukan bentuk karya itu sendiri tetapi keutamaan dilihat dari kandungan karya tersebut sama ada bertentangan dengan Al Quran dan Al-hadith atau sebaliknya.

Hasil Karya Dari Muslim Dan Non-Muslim

Islam mewajibkan setiap penganutnya sentiasa mengamalkan ajaran Islam dalam setiap penjuru kehidupan. Begitu juga dalam penghasilan karya dan seni mesti bertunjangkan syariat dan garis panduan yang ditetapkan oleh Allah agar tidak di persoalkan di hari akhirat kelak. Seiring dengan tuntutan agama, Sidek Baba menggariskan panduan pandangan beliau dalam menentukan syarat- syarat penerimaan sesuatu karya atau penulisan. Baginya syarat utama dan auala mestilah seorang penulis atau pengkarya beragama Islam dan memahami segala selok belok hukum hakam yang asas agar tidak terpesong dari aqidah yang benar dalam menghasilkan sesuatu karya. Lagi memeritkan jika karya tersebut menjadi asbab penulis tergelincir ke lembah kebinasaan apabila karya yang dihasilkan menyimpang dari ajaran Islam lalu dibaca dan diamalkan oleh pembaca-pembaca di luar sana. Ini terbukti bahawa intipati sesuatu karya sangat penting dalam menentukan kebijaksanaan pengkarya dalam mengolah isi yang kreatif untuk mempengaruhi minda dan jiwa pembaca.



Jika pengkarya beragama Islam tetapi hasil karyanya menyimpang dan tidak membawa cerminan Islam tidak di sebut sebagai sastera Islam. Ini kerana karya tersebut tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan, misalnya novel Salina yang ditulis oleh A.Samad Said¹⁵, penulisnya seorang beragama Islam yang masyhur dalam kalangan kita rakyat Malaysia akan tetapi jika dibaca dan dikaji novel Salina tersebut kita boleh menilai bahawa novel ini seolah-olah jauh daripada kenyataan Islam yang sebenar dan karyanya boleh disalahertikan oleh pembaca dalam memahami konteks dan ibrah yang disampaikan. Menurut Sidek Baba novel ini hanya boleh dibaca sahaja tetapi nilai dan moral yang terdapat dalam novel tidak boleh diamalkan. Novel ini juga turut dikritik oleh Shahnnon Ahmad yang baginya tidak memperlihatkan nilai-nilai Islam dan muflis dari segi iman.

Dalam membicarakan tentang penerimaan karya daripada bukan Islam, Sidek Baba sangat meraikan dan mengalu-alukan karya yang mengangkat nilai-nilai murni dan moral yang tinggi dalam meningkat ketamadunan dan peradaban manusia. Justeru, beliau tidak mensisihkan dan mengambil peduli kepada hasil-hasil karya ini untuk dikaji dan diambil manfaat.

¹⁵A.Samad Said atau nama sebenarnya Abdul Samad bin Said ialah seorang Sasterawan Negara Malaysia pada tahun 1986 yang banyak menghasilkan karya penulisan dalam bentuk novel, novel remaja kanak-kanak, cerpen, puisi, drama dan banyak lagi. Beliau juga banyak menerima anugerah di atas hasil karya dan penulisan.

Sebagai contoh hasil karya Dr. Lim Swee Tin¹⁶ yang menghasilkan puisi yang membawa masyarakat berfikir dan mengambil pengajaran tentang nilai kemanusiaan, kesantunan, dan etika. Beliau yang berbangsa Cina sangat mementingkan semangat perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat sekaligus mengangkat isu dan nilai-nilai kemanusiaan dalam karya puisinya sehingga mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia melalui puisi beliau berjudul "Ketika Kami Bercerita Tentangnya" yang telah dipilih sebagai teks puisi di dalam antologi "Anak Bumi Tercinta" yang merupakan antologi Komponen Sastera Dalam Bahasa Melayu bagi Tingkatan 3.

Ketika Kami Bercerita Tentangnya.

Tema:

Pengorbanan seorang ayah

Ketika kami bercerita tentangnya

bapa sedang tidur

aku cukup kenal

pada lelap matanya

tikar mengkuang lusuh itu

barangkali, tambah melenakan bapa.

Persoalan pertama yang boleh didapati dalam sajak ini ialah hubungan anak dengan ayahnya yang rapat dan kemiskinan keluarga penyajak. Hal ini boleh didapati daripada rangkap pertama.

Tadi

lama sekali bapa menemani kami

mengisi malam-malam seperti selalunya

duduk mengelilingi pelita minyak tanah

yang kecil itu

semacam pahit dan getir pengalamannya

begitu akrab pula

dengan kami semua.


Persoalan kedua yang boleh didapati dalam sajak ini ialah hidup penyajak yang miskin dan banyak kekurangan kebendaan, dan tentang ayah penyajak yang melalui kesusahan ketika membesarkan anak-anak. Walaupun bekerja sepanjang masa dan mendapat gaji sedikit, tetapi dia tetap dapat meluangkan masa untuk bersama anak-anaknya.

Konklusinya, dua syarat yang digariskan oleh Sidek Baba jelas dan mudah. Tambahnya lagi, kedua-dua syarat ini perlu wujud secara serentak untuk melayakkan seni atau karya tersebut

¹⁶ Lim Swee Tin merupakan salah seorang pengarang di Malaysia yang sudah lama berkecimpung dalam dunia kepenyairan. Dilahirkan di Bachok Kelantan pada 26 September 1952 dan membesar di kalangan masyarakat Melayu. Dengan itu, tidak menghairankan jika beliau dan keluarganya amat fasih berbahasa Melayu. Dengan kefasihan bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu mendorong beliau menulis dan mencipta karya terutama puisi dalam bahasa ini. Karya awalnya terbit pada tahun 1973. Lim juga menghasilkan cerpen, novel dan tulisan-tulisan bercorak kesusasteraan. Antara karya yang telah diterbitkan ialah "Eva" (1981), "Akrab" (1985), "Menyusur Musim" (1991), "Seorang Anak Kecil dan Sajak-sajak Lain/A Child and Other Poems (puisi dwibahasa, 1993), "Masih" (1997), "Sebuah Fragmen Cinta" (1998) dan "Nyanyian Sepi" (puisi dwibahasa, 2000. Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

dipanggil sebagai *sastera Islam*. Jika gugur salah satu syarat di antara keduanya atau tiada kedua-dua syarat yang dinyatakan di atas dipanggil *karya konvensional*.¹⁷

Gambar Rajah Di Bawah Mungkn Memudahkan Kita Untuk Memahami Konsep Ini



¹⁷ Sesi temu bual bersama Sidek Baba pada 9 Mac 2018, pada pukul 11:22 am, bertempat di kediamannya Taman Melewar Gombak.

Kesimpulan dan Penutup

Konsep yang ditampilkan oleh Sidek Baba jelas menunjukkan bahawa dunia kesenian dan penulisan adalah medan dakwah dan tarbiyyah bagi seseorang individu penulis. Ini kerana faktor utama yang dilihat beliau ialah diri penulis itu sendiri sama ada beragama Islam atau sebaliknya kerana seseorang yang membawa cerminan Islam akan menghasilkan penulisan dan karya yang akan membawa kesedaran dan keagungan kepada pencipta alam dan manusia berdasarkan firman Allah:

وَالشُّعْرَاءُ يَتَّبِعُهُمُ الْغَاوُونَ أَلَمْ تَرَأَهُمْ فِي كُلِّ وَادٍ يَهيمُونَ وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَذَكَرُوا اللَّهَ كَثِيرًا وَانْتَصَرُوا مِنْ بَعْدِ مَا ظَلَمُوا

Maksudnya: “Dan penyair-penyair itu diikuti oleh orang-orang yang sesat. Tidakkah kamu melihat bahawasanya mereka mengembara di tiap- tiap lembah dan bahawasanya mereka suka mengatakan apa yang mereka sendiri tidak mengerjakan (nya)? Kecuali orang-orang (penyair-penyair) yang beriman dan beramal soleh dan banyak menyebut Allah dan mendapat kemenangan sesudah menderita kezaliman. Dan orang-orang yang zalim itu kelak akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali.”¹⁸

Daripada ayat ini dapat kita katakan bahawa puisi mahupun penulisan sama dengan perbuatan kita, semuanya tergantung kepada para pelakunya. Jika penyair atau penulis orangnya beriman, maka ia akan melakukan segala sesuatu dengan baik dan dengan tujuan yang baik pula, kerana segala perbuatannya didasari keimanan dan keikhlasan semata-mata kerana Allah. Sedikit pun ia tidak terpengaruh kepada khayalan dan hawa nafsu atau aliran seni apapun yang bersifat fantastisme. Tetapi, ia melakukan segala sesuatunya untuk menegakkan kebenaran, meskipun sesekali ia mengalami kejayaan dan mengalami kegagalan, tetapi ia tetap berusaha menegakkan kebaikan dan kebenaran. Prinsip inilah yang sering dipegang oleh Sidek Baba yang sentiasa aktif dalam dunia dakwah melalui hasil penulisan seni dan karya.

Bibliografi

Al Quran al Karim.

Abdul Rahman Rukaini, 1980, **Sekitar Pemikiran Kesusasteraan Islam**, Gapim: Kuala Lumpur.

Dr. Ali Haji Ahmad, 1984, **Arah Persuratan Kini Dalam Pembentukan Budaya Manusia Dan Implikasinya**. Himpunan kertas kerja koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi dan lain lain, 2016, **Perbandingan Definisi Sastra Islami Mengikut Pandangan Sarjana Dunia Arab dan Alam Melayu**, Al Qanar International Journal of Islamic Studies. Vol 3. No 1. 2016.

Rene Wellek & Austin Warren, 1976, **Theory of Literature**. Harcourt, Brace and Company: United States of America (USA).

Shafie Abu Bakar, 1979, **Di Antara Sastra Dan Persuratan Islam**. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Sidek Bin Baba, 1985, **Kesusasteraan Dan Persuratan Islam**. Press Books: Open University.

¹⁸ Surah Asy- Syuaraa': ayat 224-227.